

# Penubuhan Kelab Radio dukung aspirasi negara

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 14 Februari. - Perkhidmatan Radio Brunei telah memperkenalkan Penubuhan Kelab Radio yang diharapkan bagi mendukung aspirasi negara menuju 2035.

Ketua Rancangan Radio, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Mahmud menyatakan Penubuhan Kelab Radio merupakan langkah permulaan di tahun 2015 dalam usaha meningkat majukan serta mempoparkan radio.

Secara kebetulan 13 Februari merupakan Hari Radio Sedunia, kata Pengiran Ahmad.

Pengiran Ahmad menjelaskan, sebagai langkah awal, Stesen Radio Daerah Belait dijadikan *pilot program* bagi kelab tersebut dengan melibatkan belia-belia Daerah Belait.

Setelah itu, kata Pengiran Ahmad, mereka akan membentuk Ahli Jawatankuasa Kelab Radio Daerah yang terdiri daripada ahli-ahli Kelab Radio itu sendiri.

Majlis Pelancaran Kelab Radio Daerah Belait telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus pada Jerayawara Peralihan ke Era Penyiaran Digital di bangunan Stesen Radio Televisyen Brunei (RTB), di sini.

Pengiran Ahmad menyatakan bahawa cadangan pelaksanaan Kelab Radio akan dilaksanakan secara berperingkat yang juga akan melibatkan Stesen Radio Daerah

Tutong, Temburong serta Brunei dan Muara.

“Dengan pendekatan seumpama ini, ahli-ahli akan mengetahui disiplin dan syarat-syarat yang wajib terhadap garis pandu serta tataarnalan etika penyiaran radio,” harapan Pengiran Ahmad.

Pengiran Ahmad menyatakan, perkhidmatan radio akan melaksanakan pendekatan ke arah memasyarakatkan radio dengan lebih menggiatkan penglibatan setiap lapisan masyarakat yang terdiri daripada penuntut sekolah, institusi mukim dan kampung, pihak swasta dan belia-belia serta pertubuhan NGO.

Penubuhan Kelab Radio, katanya, bagi memajukan anak bangsa bermula dari generasi muda untuk berkembang maju dengan bersifat kreatif dan inovatif yang mencerminkan calak Brunei dengan berteraskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).

“Selar dengan visi dari misi RTB, Perkhidmatan Rancangan Radio akan mengembangkan khidmat penerbitan rancangan radio kepada generasi muda, remaja, belia seluruh negara,” ungkap beliau.

Pengiran Ahmad menjelaskan, antara nilai-nilai yang bolch diterapkan di dalam aktiviti Kelab Radio termasuk membina sifat percaya diri apabila berhadapan dengan khalayak ramai, menggalakkan gemar pada unsur kreatif dan wadah pada membina kemahiran dalam aktiviti komunikasi seperti penyampaian, penerbit, pelapor, juriulas serta meneroka nilai-nilai kewartawaran.

Selain itu, aktiviti lain meliputi kemahiran pengendalian peralatan komunikasi, ICT dan lain-lain, di samping memanfaatkan serta mengamalkan cara yang berkesan dan positif terhadap penggunaan sosial media dan juga memupuk kerja secara berpasukan.

Sementara itu, jerayawara peralihan ke era penyiaran digital diadakan bertujuan bagi membangkitkan kepada orang ramai mengenai persediaan RTB ke arah siaran digital, kebaikan siaran digital berbanding siaran analog dan tatacara pemasangan *aerial* yang betul.

Sesi Taklimat Peralihan Ke Era Penyiaran Digital disampaikan oleh Timbalan Pengarah RTB, Pengiran Haji Mahari bin Pengiran Haji Abd. Razak antara lain menyatakan, melalui penyiaran digital, para penonton akan dapat menyaksikan pelbagai saluran terkini yang memberikan kualiti gambar yang bermutu tinggi dan audio yang lebih jelas.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet), JPM bersama jemputan-jemputan khas menyaksikan pameran barang-barang antik di ruang ligar bangunan RTB.



TIMBALAN Pengarah RTB, Pengiran Haji Mahari bin Pengiran Haji Abd. Razak menyampaikan Taklimat Peralihan Ke Era Penyiaran Digital.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus semasa melancarkan Penubuhan Kelab Radio Daerah Belait.

Taklimat diakhiri dengan sesi soal jawab yang dibuka kepada yang hadir.

Selain taklimat, RTB juga mengadakan pelbagai aktiviti sampingan seperti *mini booth* daripada setiap Bahagian RTB, membangunkan perkhidmatan dan program RTB serta persambutan pentas dan aktiviti permainan.

Antara yang hadir termasuk Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad yang juga Ketua Kampung Lumut 1; Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof

bin Haji Dulamin yang juga Ketua Kampung Mumong; Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman; Yang Dimuliakan Pchin Datu Paduka Raja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Sharif bin Ahmad; Pemangku Penghulu Mukim Mellias, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Dewi Awang Haji Mohd. Ali bin Abdullah; Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu, pegawai-pegawai kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, pengceta-pengceta serta penuntut-penuntut sekolah serta penduduk Daerah Belait.



ANTARA bahan yang dipamerkan oleh salah satu bahagian RTB semasa Jerayawara Peralihan Ke Era Penyiaran Digital di Daerah Belait.

## Bengkel Tematik Celik Kewangan Islam 25 - 26 Februari 2015

Berita dan Foto : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 14 Februari. - Pendidikan dan kesedaran mengenai kewangan perlu dipertingkatkan oleh semua agensi yang relevan termasuk maklumat yang jelas mengenai tanggungjawab, perlindungan dan hak-hak pengguna mestilah senang didapat oleh pengguna.

Bagi tujuan itu, mekanisme yang bersesuaian perlu dibangunkan bagi membantu pengguna yang sedar ada dan masing-masing untuk membangun pengetahuan, kemahiran dan keyakinan mereka dalam memahami risiko-risiko termasuk risiko kewangan dan peluang-peluang, membuat pilihan, di mana mendapatkan bantuan dan mengambil tindakan yang berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan mereka sendiri.

Oleh itu, maklumat yang benar mustahak untuk disebarluaskan dengan

tersebut.

Menurutnya, sebanyak 19 buah kerja kreatif akan dibentangkan oleh 19 pembentang daripada 11 buah negara antaranya dari Arab Saudi, Amerika Syarikat, United Kingdom, Malaysia, Republik Indonesia, Bosnia Herzegovina, Jepun, Nigeria dan Negara Brunei Darussalam.

Antara topik dan skop kertas kerja itu nanti, jelasnya, akan merangkumi pendidikan kewangan, perancangan kewangan, penggunaan dan penjimatkan, perlindungan pengguna di sektor kewangan, pengurusan kewangan, sektor kewangan sosial Islam, peranan bank dan institusi bukan bank dalam celik kewangan serta pelaburan.

Pada perasmian bengkel itu nanti, iaitu pada 25 Februari, pihak UNISSA, tambahnya juga akan mengadakan majlis penandatanganan bersama dengan IRTI, Kumpulan Bank Pembangunan Islam, Jeddah, Arab Saudi dengan kerjasama Pusat Pengurusan dan Kewangan, Perbankan Islam (CIBFM), Autoriti Moneter Brunei Darussalam (AMBD) akan menganjurkan Bengkel Tematik Celik Kewangan Islam 2015 (Thematic Workshop on Islamic Financial Literacy 2015 - TWIFL2015) yang akan diadakan pada 25 dan 26 Februari 2015 nanti.

Perkara ini dinyatatakan oleh Dekan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, UNISSA, Dr. Fadzliwati binti Mohiddin pada Sidang Media menjelaskan mengenai Bengkel Tematik Celik Kewangan Islam 2015 yang akan diadakan pada 25 dan 26 Februari 2015.

penyampaian sijil.

Pembukaan rasmi bengkel pula, dijangka akan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Bengkel tersebut bertujuan untuk menyediakan gambaran yang menyeluruh mengenai celik kewangan Islam, status terkini dan prospek masa depannya, selain bagi menggalakkan celik kewangan Islam, mengetengahkan isu-isu dan cabaran-cabarannya serta memburaikan cadangan penyelesaian dan pemilihan kepada pengguna.

Hasil daripada bengkel ini diharap akan dapat menyelerakan tindakan dan kemungkinan projek konkret yang dapat mencadangkan celik kewangan Islam bagi kepentingan umat dari perspektif sosio dan ekonomi.

Mereka yang berminat untuk mengikuti bengkel ini bolehlah membuat pendaftaran kepada pihak UNISSA ataupun mendaftar secara online melalui laman web [www.irti.org](http://www.irti.org)



DEKAN Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Fadzliwati binti Mohiddin pada Sidang Media menjelaskan mengenai Bengkel Tematik Celik Kewangan Islam 2015 yang akan diadakan pada 25 dan 26 Februari 2015.

[literacy.com](http://literacy.com) dan [www.irti.org](http://www.irti.org) yang mana yuran pendaftaran adalah BND100 bagi orang ramai dan BND20 bagi penuntut.